

Cagamas muktamad penjualan CMTN RM150j

KUALA LUMPUR 26 Jun - Cagamas Bhd. berjaya menyelesaikan penjualan Nota Konvensional Jangka Sederhana (CMTN) bernilai RM150 juta.

Menurut satu kenyataan di sini hari ini, perbadanan gadai janji negara itu akan menggunakan dana daripada terbitan CMTN tersebut untuk membiayai pembelian pembiayaan konvensional daripada sistem kewangan negara.

"CMTN akan diterbitkan untuk tempoh satu dan dua tahun dan telah menerima lebihan langganan

sebanyak 3.4 kali.

"Ia diletakkan pada harga ham-pir menyamai terbitan-terbitan berjamin kerajaan yang lain, sekali gus menunjukkan kedudukan ku-kuh hutang sekuriti Cagamas de-ngan asas pelabur yang berbeza," kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Chung Chee Leung.

Nota terbitan itu hanya boleh ditebus pada nilai nominal penuh pada tempoh matang sahaja.

Ia akan disenarai dan didagang-kan di bawah sistem dagangan se-kuriti tanpa skrip.